



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**22 Oktober 2022  
25 Rabiulawal 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kanak-kanak teruja lihat penyu menetas</li><li>• Saban hari ada sahaja penyu mati</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penangan tumpaskan layaran seberat 30kg</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysiakini</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernamea</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Borneo Post (KK)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sabah Media</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		42	22.10.22



UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		16	22/10/22

# Saban hari ada sahaja penyu mati

**ROZITA ALIAS @ ABDUL LATIFF**



**C**HAGAR Hutang di Pulau Redang, Terengganu sinonim dengan pendaratan penyu bertelur dan telah dirutup kepada umum selepas diwartakan sebagai pusat santuari penyu oleh kerajaan negeri pada 2005. Semenjak itu, hanya penyelidik dan sukarelawan Unit Penyelidikan Penyu (SEATRU), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dibenarkan berada di pantai itu.

Santuari Penyu Chagar Hutang terletak di bahagian utara Pulau Redang yang merupakan tempat pendaratan utama penyu agar dan penyu karah dengan jumlah sarang antara 700 hingga 1,700 setiap tahun. Ia merupakan teluk terpencil dan terlindung yang dikelilingi oleh tebing berbatu.



SEPANJANG Januari hingga September lalu, dianggarkan 70 kematian penyu dicatatkan dan kebanyakannya adalah spesies penyu agar. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Namun sepanjang 350 meter berbentuk bulan sabit, perairan biru jernih dan terumbu karang yang asli serta persekitaran sesuai bagi penyu berehat dan makan sebelum pergi ke pantai untuk bersarang.

Namun, pada tahun ini, kita dikejutkan dengan kematian penyu di perairan Terengganu yang semakin menjadi-jadi. Saban hari ada sahaja berita kematian penyu dilaporkan dan kebanyakannya adalah spesies penyu agar.

Sepanjang Januari hingga September lalu, dianggarkan 70 kematian penyu dicatatkan. Apa yang menyedihkan, hasil laporan kematian turut melibatkan khianat dan kerakusan manusia. Menurut laporan media pada 21 Julai lalu, seekor penyu agar betina mati dengan kesan kelar di leher di perairan Pulau Kapas. Marang dipercayai dibunuh oleh pihak tidak bertanggungjawab.

**BATU BATA**

Laporan pada 23 Julai lalu pula menyatakan terdapat batu bata diikat

**“Kepupusan penyu belimbing merupakan antara penyumbang utama lambakan pendaratan ubur-ubur.”**

pada bahagian kepala dan kaki penyu agar. Keadaan ini jelas membuktikan terdapat perbuatan khianat kepada spesies ini dan kita tidak boleh hanya berdiam diri.

Kepupusan penyu belimbing merupakan antara penyumbang utama lambakan pendaratan ubur-ubur terutama daripada spesies ubur-ubur api berwarna biru atau *Portuguese man o'war* di perairan. Situasi tersebut menyebabkan berlakunya gangguan terhadap rantaian makanan dan ekosistem laut sekali gus memberi ancaman keselamatan kepada masyarakat setempat.

Kemuncak musim penyu bersarang adalah dari Mei hingga Julai setiap tahun. Pada musim ini, penyu akan naik ke daratan dan memilih lokasi sesuai untuk bertelur seterusnya kembali semula ke habitatnya. Kehadiran penyu di pulau-pulau Terengganu menjadi daya tarikan para pelancong dalam dan luar negara. Namun mutakhir ini, spesies hidupan marin ini kian terancam akibat kerakusan manusia dan faktor alam semula jadi.

Menyedari keadaan itu, kerajaan negeri memberi fokus utama dalam aktiviti pemuliharaan penyu kerana ia boleh dijadikan daya tarikan pelancong malah untuk terus mengekalkan habitat ini daripada terus pupus. Oleh itu, usaha menjaga dan mengawal perlu diberi perhatian terutama dari aspek pemuliharaan dan memastikan keadaan habitat marin ini tidak diganggu dan terancam.

PENULIS ialah Perancang Pendidikan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL		22	22/10/2022

22 k<sup>2</sup> Kosmo SABTU 22 OKTOBER

**Gewang** 

## Penangan tumpaskan layaran seberat 30kg

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

**K**ELAYAN memenangi seekor ikan layaran seberat 30 kilogram (kg) di tuis berhampiran Pulau Payar. Kedah menyuarakan hasrat semangat pemancing laut dalam, Shuib Omar untuk mewujudkan bakunya itu.

Shuib atau lebih dikenali sebagai Pak Su dalam kalangan rakannya berkata, dia gemar memancing sejak kecil lagi dan gemar menangkap ikan di tali air dan pernah mengutip buluh sebagai jualan.

Dua lelaki berasal dari Kubang Rotan, Alor Setar. Kedua-dua dia memulakan hobi aktiviti memancing di laut dalam pada tahun 2012.

"Hampir setiap bulan, saya turun ke laut bersama saudara dan rakan-rakan. Biasanya, kami berhempus di Jeli Kubang Rotan pada pukul 7 pagi sebelum menuju ke beberapa tuis yang menjadi laluan ikan.

"Antara tuis sasaran kami ialah Pulau Payar dan pulau Langkawi kerana di situ menyajikan hasil tangkapan yang menarik. Pengalaman bermain dan memancing ikan di perairan itu cukup mengujakan," ujar bapa kepada Ama anak itu.

Berminat Pak Su, dia gemar menggunakan teknik memancing diataran dan penggunaan kerana mampu memancing hasil yang lumayan.

"Dengan menggunakan teknik perikanan, kami boleh memancing ikan yang berada di kawasan itu seperti tenggiri, ulu-ulu dan layaran.

"Sementara itu, teknik diataran pula membolehkan kami mendapat hasil seperti kerapu, jenabak, gerut dan pari dengan hanya menggunakan umpan sotong, udang serta ikan kembung.

"Penggunaan teknik diataran sangat penting untuk memancing kepada kawasan yang dalam kerana teknik memberi kesan terhadap hasil tangkapan," ujarnya.

Dia turut memaklumkan, pengalaman memancing ikan layaran di tuis Pulau Payar pada tahun 2018 masih segar dalam ingatannya.

Ujarnya, dia terpaksa berhempus-pulas selama 30 minit baru menangkan ikan seberat 30kg itu.

"Tulis dot pelepas mata sejak saya melaburkan diri dalam aktiviti memancing di laut sejak beberapa lalu.

"Bagi memancing ikan layaran bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan ketahanan tenaga serta perisian.

"Tali joran sepanjang 300 meter harus dibekalkan dan ikan layaran itu tentu cuba melepaskan diri sehingga kami terpaksa menghidupkan semua mesin bot. Saya terpaksa mengutip masa selama setengah jam untuk memancing ikan itu," jelasnya.

Kata Pak Su lagi, kejayaan menangkan ikan layaran itu membuatkannya teras seperti seorang 'juara'.

"Saya rasa cukup puas apabila berjaya menangkan ikan itu. Saya sempat bergambar, sebelum melepaskannya kembali ke dalam laut," kata Pak Su.

Ceritanya lagi, dia dan rakan-rakan terpaksa menunggu pada malam di luar kapal yang panjang ke laut seperti bot masak dan hanyut selama dua jam di Pulau Payar.

"Ketika itu, kami tidak mampu berbuat apa-apa dan hanya berdoa kepada Tuhan, sekiranya dibenarkan oleh sebuah bot nelayan.

"Pengalaman itu menjadi pengajaran kepada kami supaya bersedia pada bila-bila masa kerana cuaca selalunya berubah-ubah. Kita juga tidak terperangkap di tengah laut," katanya.

Pak Su turut memaklumkan, setiap kali turun ke laut, mereka mahu memperoleh hasil tangkapan antara 30 hingga 50kg.

"Gemuk hasil tangkapan dibekalkan sama rata. Paling penting, semua gembira dengan cabaran yang ditempuhi selama berada di laut," ujarnya.



**PAK SU** senyawa berpuas hati dengan hasil tangkapannya di laut.



**PAK SU** (kanan) bersama rakan-rakannya menunjukkan ikan pari yang berjaya dirakikan.



**IKAN** layaran yang berjaya ditaman Pak Su di Pulau Payar, Kedah.